

| | | | |
|-------------|-------------------------|------------|---------|
| Headline | Kilang sabun curi karan | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 06 Apr 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 179,231 | Readership | 537,693 |
| Section | Setempat | Page No | 19 |
| ArticleSize | 336 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 39,709 | | |



>> **TNB berjaya *buktikan* ada dawai halus digunakan sebagai pintasan di terminal CT**

Kilang sabun curi karan

■ Mahkamah izin tuntutan TNB RM560,244 dengan kos terhadap pengeluar sabotaj meter elektrik

Kuala Lumpur

Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam membenarkan tuntutan bil terkurang caj Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM560,244.12 terhadap syarikat Edo Chemical Sdn Bhd berikutan pengusiran pemasangan meter TNB di kilang berke-

naan. Hakim Sabariah Atan membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan dengan kos mengikut skala

dan faedah lima peratus setahun dikira dari tarikh penghakiman hingga penyelesaian penuh.

Dalam penghakiman itu, TNB berjaya membuktikan terdapat dawai halus digunakan sebagai pintasan di S1 dan S2 terminal alat ubah

arus (CT) pada fasa merah dan biru.

Pengusiran itu didapati pada pemasangan meter elektrik di kilang membuat dan menjual sabun yang terletak di PLO 576, Jalan Keluli 9, Kawasan Perindustrian

Pasir Gudang. TNB diwakili peguam Mohamad Zaki Abdul Shukor dari Tetuan Othman Hashim



PERBICARAAN kes tuntutan bil terkurang caj berlangsung di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

& Co yang mengemukakan writ saman terhadap kilang itu pada 31 Oktober 2013. Defendan pula diwakili

peguam Ahmad Syafiq Mohd Ghazali dari Tetuan Raziyah Rahim & Associates. TNB memanggil tiga saksi

memberi keterangan manakala defendan mengemukakan dua saksi sepanjang perbicaraan berlangsung.

Perbicaraan semula kes atas isu kuantum itu berlangsung sehari pada 28 Februari lalu.

FAKTA
TNB panggil tiga saksi beri keterangan manakala Edo Chemical dua saksi